

→ AGAMA

Istimewa Rabu

10.15 pagi - Islam Itu Indah
→ Program motivasi diri Ustaz Firdaus Subhi ini, mengetengahkan tip menjadi insan yang menghayati dan menjiwai keindahan Islam, sekali gus mampu menarik mereka yang belum Islam. Diterbitkan Norhayati Paradi

12.15 tengah hari - Agama dan Peradaban
→ Mengupas buku Akal Dalam Islam karya Mohd Zaidi Ismail yang menampilkan pengarangnya yang juga Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Diterbitkan Datin Mona Jasman.

5.15 petang - Suluh Budi
→ Program yang menampilkan Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM, Dr Mohd Farid Mohd Shahrin. Diterbitkan Syafiq Salleh.

9.15 malam - Kerjaya dan Hala tuju
→ Bicara kerjaya masa depan dan hala tuju untuk remaja serta pendengar yang menampilkan penyanyi profesional, Mohd Haliz Mohd Suip. Diterbitkan Ahmad Nazri Mohd Yusoff

Saintis, ulama perlu digabung jalin

➔ Sains mesti digabung dengan agama kembalikan kegemilangan Islam

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Sains tidak boleh dipisahkan daripada Islam sebaliknya bidang ilmu itu penting untuk dikuasai dan dibangunkan semula secara progresif sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat.

Ia memerlukan kerjasama semua pihak khususnya saintis dan ulama untuk bersatu

mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang satu masa dulu dikenali sebagai pelopor dalam pelbagai teori sains seperti Khawarizmi dan Ibnu Sina.

Bagaimanapun dalam konteks masa kini, ia seakan sukar untuk direalisasikan kerana timbul tanggapan tiada keperluan ahli agama dan golongan saintis disatukan.

Sebenarnya ilmu sains perlu digabung jalin dengan Islam supaya umat Islam bukan saja tidak ketinggalan dengan kecanggihan teknologi semasa, bahkan mampu menjadi modal insan bermanfaat sama ada kepada manusia atau alam.

Pertemuan ahli sains, ulama
Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman, berkata sudah tiba masanya untuk negara melahirkan saintis yang juga layak digelar ulama.

"Di negara ini, kita ada

ramai ahli sains, bahkan pensyarah dalam bidang ini mencecah hingga 3,000 orang.

"Bagaimanapun kajian mengenai pemikiran sains di kalangan masyarakat Melayu Islam pada tahun lalu, menunjukkan 60 peratus pakar sains menyifatkan ilmu ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan Islam.

"Bayangkan daripada 100 saintis yang menjadi responden, cuma empat daripada mereka bersetuju wujud kaitan antara Islam dan sains dan melihat kepentingannya untuk membangunkannya semula terutama mengangkat tokoh Islam dalam sains supaya menjadi inspirasi kepada generasi anak muda hari ini," katanya pada Wacana Intelektual Islam dan Insan dalam Era Revolusi Industri Keempat di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir bekas Perdana Menteri yang juga Pengerusi IKIM, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Pengarah IKIM,

Datuk Prof Dr Azizan Baharuddin dan Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI), Datuk Jefridin Atan.

Mohd Yusof berkata, kecelaruan itu wajar diperbetulkan dengan kaedah dianjurkan Islam, iaitu mewujudkan halaqah atau pertemuan membabitkan ilmuwan sains dan agama bagi membincangkan secara ilmiah hubungan antara keduanya secara terperinci.

Beliau mencadangkan LEGASI yang banyak terbabit dalam program ilmiah dalam membangunkan modal insan bertindak sebagai badan dalam membina rangkaian akademik terhadap ilmu sains Islam dalam bentuk seminar, penyampaian makalah dan persidangan.

Beri kesan kepada modal insan

Sementara itu, Jefridin dalam ucapannya berkata, revolusi industri keempat dijangka akan memberi kesan kepada modal insan hari

ini dengan kebergantungan kepada aspek siber dan robotik.

"Kita semua perlu mengambil langkah proaktif dalam menghadapi cabaran revolusi industri keempat ini supaya ia tidak menghakis sifat insani kerana lebihnya manusia berbanding makhluk Allah SWT yang lain adalah kerana kurniaan akal fikiran.

"Walau setinggi mana kemajuan dan kecanggihan yang akan dicapai oleh mana-mana negara, faktor modal insan masih lagi berperanan sebagai input penting.

"Sebagai khalifah, kita perlu mengawal segala kemajuan dan bukannya alatan moden yang menghakis sifat insani kita seperti senjata digunakan untuk menyerang serta memusnahkan ketamadunan sesebuah negara," katanya.

Jefridin turut melihat kepentingan berpegang kepada ajaran agama sebagai tali penting supaya masyarakat Islam tidak mudah hanyut oleh gelombang era revolusi industri keempat.